

Soalan No: 37

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 27.7.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah menengah seluruh negara yang menawarkan Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dan bilangan murid yang berpeluang mengikuti program PIMA ini serta bidang kemahiran sektor industri teknikal yang ditawarkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan peluasan kepada program perantisan yang ditawarkan di sekolah menengah vokasional (SMV) mulai tahun 2010 dan masih ditawarkan sehingga hari ini di kolej vokasional tertentu. Model ini melibatkan sesi pembelajaran di sekolah dan latihan di industri. Program ini bertujuan menyediakan alternatif pembelajaran kepada murid sekolah harian yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke kolej vokasional kerana permintaan yang tinggi dan tempat yang terhad serta bagi mengatasi keciciran murid di peringkat

menengah atas. Melalui program ini KPM berhasrat dapat melahirkan modal insan berkemahiran, yakin dan bersedia menyertai pasaran kerja.

KPM sedang melaksanakan rintis Program PIMA di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rahman Putra, Selangor mulai Mac 2017 yang melibatkan enam buah industri berhampiran dengan sekolah tersebut dan 24 orang murid. Industri-industri yang terlibat adalah dalam bidang permotoran, penyelenggaraan kenderaan, penyediaan pakaian, kecantikan, kimpalan dan penyejukan dan penyamanan udara. Pelaksanaan program rintis ini nanti akan dijadikan panduan untuk program ini diperluaskan ke seluruh negara. KPM bercadang untuk memperluaskan Program PIMA di 20 buah sekolah di seluruh negara pada tahun 2018.

Sebagai peluasan PIMA, setiap negeri dijangka dapat menawarkan program (1 negeri 1 sekolah) dengan mengambil kira kesediaan ibu bapa, sekolah dan pihak industri/syarikat. Bilangan murid yang mengikuti program ini adalah antara 15 – 30 orang setiap kelas. Bidang yang ditawarkan adalah bergantung kepada persetujuan antara pihak sekolah dan industri.